

## MENARA GADING



Ahli Puteri UMNO memilih Asia e University sebagai destinasi pembelajaran MBA mereka.

# AeU pilihan Puteri UMNO

➔ Universiti sedia pembelajaran ikut gaya hidup, kerjaya

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

**P**uteri UMNO bukan sekadar dilihat menjurus kepada politik tetapi ia platform terbaik melahirkan ramai pemimpin wanita muda berwibawa dan berdaya saing.

Kebijaksanaan barisan pemimpinnya mengemudi arah tuju dan agenda perjuangan parti melahirkan ramai pemimpin wanita muda berkaliber, dihormati dan disanjung pelbagai pihak.

Bagi memperkasakan jati diri, kemahiran insaniah dan penampilan, Puteri UMNO bersepakat menimba dan memperkukuh ilmu kepimpinan mereka melalui pendidikan bersama Asia e University (AeU).

Satu sesi pendaftaran Master of Business Administration (MBA) eksklusif bersama Puteri UMNO dianjurkan AeU pada 7 September lalu di Kampus Kuala Lumpur.

### Rancang pengajian

Sesi dimulakan dengan ucapan aluan dan penerangan penubuhan AeU oleh Dekan Sekolah Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS), Prof Dr Juhary Ali.

Pada asasnya, AeU memberi

ruang kepada ahli Puteri UMNO merancang pembelajaran mengikut gaya hidup dan kerjaya mereka.

Dekan Sekolah Pengurusan, Prof Madya Dr Wan Sabri Wan Hussin turut memberi penerangan kurikulum dan pelaksanaan program secara lebih terperinci serta menekankan keunikan program berkenaan bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan Puteri UMNO.

Sesi itu turut dihadiri bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tan Sri Zaleha Ismail yang juga pelajar baharu di AeU dalam jurusan Sarjana Sains (Pengurusan) secara kajian.

Ketika berucap, Zaleha meminta ahli Puteri UMNO menerapkan budaya pembelajaran sepanjang hayat sebagai satu kemestian untuk menjadi pemimpin hebat, sekali gus parti kekal relevan dan berada di tahap tertinggi, dihormati dan dihargai rakyat.

“Program MBA di AeU satu platform yang boleh membantu kita mengasah kemahiran kepimpinan dan mengaplikasikannya sama ada dalam sektor awam, swasta atau politik,” katanya yang juga Pengerusi Global Peace Festival Malaysia.

AeU turut menerima pendaftaran EXCO Puteri UMNO, Datin Azura Mohd Afandi, selain ahli Puteri UMNO yang juga selebriti popular, Dira Abu Zahar.

Kini AeU mempunyai komuniti pelajar antarabangsa membabitkan lebih 22,000 pelajar dan 15,000 alumni dari 84 negara.

Daftar sekarang secara dalam talian di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my) untuk pengambilan 2017/2018 atau hubungi 1300 300 23 dan e-mel [enquiries@aeu.edu.my](mailto:enquiries@aeu.edu.my).